

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 19, 2017 2:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Jangan Melatah Dan Teruja Dengan Teknologi Canggih



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



19 NOVEMBER 2017 / 30 SAFAR 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

JANGAN MELATAH DAN TERUJA DENGAN TEKNOLOGI CANGGIH



UUM ONLINE: Graduan universiti diingatkan supaya tidak cepat melatah dan teruja dengan teknologi canggih di depan mata walaupun perkembangan teknologi moden membawa 1,001 kesenangan ketika dunia sedang memasuki era Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

Pro-Canselor, Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, graduan perlu berhati-hati dan bertanggungjawab dengan penggunaan teknologi moden dalam kehidupan seharian sama ada di tempat kerja mahupun di mana sahaja berada.

Titahnya, kehendak pengguna telah berubah malah pengguna lebih berkuasa kerana tahu akan hak dirinya dan kehidupan dunia pada era kini dikuasai oleh teknologi moden, manakala maklumat pula diperoleh melalui media sosial hanya dengan menggunakan hujung jari.

Beliau bertitah, satu petikan jari boleh mempalitkan liabiliti undang-undang yang berakhir dengan episod duka dalam melaksanakan tugas menggunakan teknologi yang turut memberi kesenangan.

"Kepentingan aturan undang-undang meningkat dalam Revolusi Perindustrian Keempat disebabkan ekonomi menjadi lebih maya dan perdagangan akan lebih tertumpu kepada perniagaan yang melibatkan harta intelek berbanding dengan perniagaan dalam bentuk produk fizikal.

"Dalam situasi ini perlindungan harta intelek menjadi sangat penting, kerana nilainya terletak dalam rantaian bekalan. Sekiranya negara mempunyai undang-undang yang mapan dan mampan, tentunya dapat membantu perniagaan untuk mempertahankan harta intelektual mereka dan ini akan mendorong kepada percambahan inovasi, kerana inovator berkenaan memiliki kepastian bahawa kepentingan mereka dilindungi oleh undang-undang," titahnya pada sesi kedua Konvokesyen Ke-30 UUM, pagi tadi.

Tunku Pro-Canselor yang juga Tunku Temenggong Kedah bertitah, langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia membuat pindaan terhadap Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 pada tahun 2015 memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang terhadap sektor industri berkenaan.

Titahnya, di samping itu, pindaan besar terhadap Akta Syarikat pada tahun 2016 merupakan respons positif terhadap keperluan dan perkembangan semasa di dunia.

Pada sesi kedua pagi tadi menyaksikan 642 graduan menerima ijazah masing-masing yang disampaikan Tunku Pro-Canselor di Dewan Mu'adzam Shah.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.